

BERITA: Amaran Cuaca Buruk Di Terengganu Dan Kelantan



UTAMA SEMASA EKONOMI

## Pendapatan GLC Terengganu, TDM Meningkatkan Sembilan Peratus

Husaif Mamat

02 Dis 21 02:05 PTG

188



Utama Ekonomi

KUALA TERENGGANU, 2 Disember - Pendapatan anak syarikat kerajaan (GLC) Terengganu, TDM Berhad bagi suku ketiga yang berakhir pada 30 September 2021 meningkat sebanyak sembilan peratus berbanding 2020.

Ketua Komunikasi Korporat TDM, Norfar'izan Hashim berkata, pencapaian memberangsangkan itu disumbangkan oleh jumlah pendapatan yang tinggi direkodkan oleh bahagian penjagaan kesihatan dan perladangan.

"Masing-masing sebanyak RM6.5 juta dan RM4.2 juta, atau peningkatan sebanyak 13 dan 16 peratus.

"TDM juga mencatatkan keuntungan sebelum cukai (PBT) sebanyak RM18.9 juta ketika suku tersebut, berbanding RM27.7 juta (termasuk keuntungan one-off RM21.8 juta) ketika suku yang sama di tahun sebelumnya," katanya dalam satu kenyataan kelmarin.

Menurut beliau, pendapatan TDM bagi tempoh sembilan bulan berakhir 30 September 2021 turut meningkat sebanyak 10 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.

Ujarnya, ia juga adalah hasil peningkatan pendapatan oleh bahagian penjagaan kesihatan sebanyak 12 peratus atau RM16.7 juta dan bahagian perladangan sebanyak 10 peratus atau RM16.0 juta.

"TDM juga mencatatkan peningkatan PBT yang ketara sebanyak RM14.3 juta, lebih daripada dua kali ganda angka yang dicatatkan dalam tempoh yang sama sebelumnya.

"PBT sebanyak RM27.7 juta dan RM5.8 juta bagi suku ketiga 2020 dan sembilan bulan berakhir 2020, masing-masing adalah termasuk keuntungan 'one-off' atas pembelian bernilai RM21.8 juta daripada pemerolehan TDM-YT Plantation Sdn. Bhd," tambah beliau.

Tag:

### Berita Terkini



KPDNHEP Kenal Pasti 12 Barangan Kawalan Bagi SHMKM



Nadma Sedia 4,000 Kit Ujian Kendiri COVID-19



Fenomena Air Pasang Besar Bukan Untuk Berpesta



TDM Plantation Jalin Kerjasama Dengan UCTATI Tingkat Produktiviti Syarikat



Banjir: 50 Meter Jalan Di Kampung Lubuk Panjang Runtuh

### PALING POPULAR

1

Sekatan Jalan Raya Dikuatkuasakan Di Seluruh Terengganu

2

Gadis Terengganu Dinobatkan Pelajar Ketujuh Terbaik Dunia

3

'Ingatkan Panas Hingga Ke Petang, Rupanya...' - Rintih Dr Nor Azimi

4

PKPB: Lima Sekatan Jalan Raya Di Terengganu

5

Empat Kluster Baharu Muncul Di Terengganu Dalam 48 Jam

### Artikel Berkaitan

&lt; | &gt;

